

**NO. SOALAN: 257**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**RUJUKAN : 7285**

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) sama ada pertubuhan yang tidak berdaftar itu haram di sisi undang-undang; dan
- (b) adakah Kerajaan juga bercadang untuk menahan ahli pertubuhan yang tidak berdaftar seperti PERKIDA, 3 Line dan lain-lain pertubuhan yang tidak berdaftar.

**JAWAPAN:**

Untuk menjawab soalan (a), dimaklumkan bahawa pertubuhan yang tidak berdaftar adalah pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Oleh itu, bagi membolehkan sesebuah pertubuhan bergerak secara sah di dalam negara, pertubuhan tersebut perlu didaftarkan di bawah Seksyen 6 Akta yang sama iaitu:

**“Sehingga sesuatu pertubuhan tempatan didaftarkan di bawah Akta ini, tiadalah sesiapa jua boleh, dengan tiada kebenaran bertulis daripada Pendaftar, menyusun atau mengambil bahagian di dalam apa-apa gerakan atau bagi pihak pertubuhan itu, kecuali hanya untuk memohon kepada atau untuk bersurat menyurat dengan Pendaftar”.**

Untuk menjawab soalan (b), Kementerian ini akan menyiasat mana-mana pertubuhan yang berdaftar dan tidak berdaftar yang dilaporkan menyalahi Perlembagaan Pertubuhan tersebut, Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa. Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, PERKIDA merupakan pertubuhan yang berdaftar manakala 3 LINE pula adalah pertubuhan yang tidak berdaftar.